

**KECACATAN BANGUNAN AKADEMIK DI UTM  
KAJIAN KES; BANGUNAN TAMBAHAN FKM**

**ILYA FARHANA DZAMANI**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2007

## **ABSTRAK**

Bangunan Akademik adalah bangunan yang menyediakan kemudahan khususnya untuk pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Kecacatan di dalam binaan bangunan akademik bukan sahaja akan memberi kesan ke atas aspek keselesaan dan meningkatkan kos penyenggaraan malah ia akan membawa kepada bahaya atau kecederaan. Kebanyakan kecacatan bangunan yang berlaku pada masakini boleh dielakkan: secara amnya ia berlaku bukan disebabkan oleh kurangnya pengetahuan tentang cara untuk mengelakkan kecacatan tersebut tetapi ia tidak diaplikasikan dengan betul atau dengan erti kata lain kurang melaksanakan pengetahuan tersebut. Pengetahuan ini sering disalahertikan sehingga sukar mendapat penyelesaian kepada permasalahan ini. Terdapat beberapa sifat asas bahan yang biasanya bergantung kepada keupayaannya untuk bertindakbalas dalam perubahan suhu dan kelembapan seringkali diabaikan sehingga mengakibatkan kerosakan yang teruk tanpa disedari. Banyak penyelidikan yang dilakukan untuk mengatasi masalah ini tetapi sebenarnya sistem yang terbaik adalah dengan mengamalkan prosedur yang berkesan dan kesedaran tentang maklumat yang berguna untuk mengatasi masalah kecacatan bangunan. Masalah ini perlu ditangani dengan segera bagi memastikan bangunan akademik dapat beroperasi tanpa mengalami kerugian yang sia-sia.

## **ABSTRACT**

Academic buildings are the building which providing ease and contentment to their users whereby this is the suitable place for learning, teaching and researching. Defects in academic buildings are not only effected the comfort aspect to their users and increase the cost of maintenance but also will expose to jeopardize or harm. Most building defects are avoidable: they occur, in general, not through a lack of basic knowledge but by non-application or mis-application of it. Knowledge seems to become mislaid from time to time. Certain basic properties of materials, such as their ability to move through changes in temperature and moisture, seem to be overlooked and a rash of difficulties occurs. A call goes out for more research but, in truth, all that is usually needed is a good system for the retrieval of information, a better procedure for its dissemination and, most important, the realization that information search is desirable. The problems have to be rectified immediately to ensure building academic operations were not adversely affected.